



Doa Masuk Pasar

Dari Umar bin Khattab RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa masuk pasar, lalu membaca:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ
الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: "Tidak ada Tuhan yang berhak disembah selain Allah, tiada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan, bagiNya segala pujian dan Dialah Yang Maha kuasa atas segala sesuatu."

(Siapa yang membaca doa di atas ketika masuk pasar), Allah akan mencatat untuknya satu juta kebaikan, dan menghapuskan daripadanya satu juta keburukan." [Riwayat at-Thabrani]

Zikir ini sangat mudah, namun memberi nilai pahala yang sangat besar. Mengapa demikian? Jawabnya adalah kerana zikir ini dibaca di pasar, iaitu di tempat kebiasaannya manusia lupa kepada Allah, dan jauh daripada melakukan ibadah. Di saat manusia dalam keadaan melupakan Allah, sibuk dengan dunia dan urusan jual beli mereka, ada di antara hambaNya yang berzikir dan mengingatiNya. Berzikir di masjid, atau ketika di dalam majlis zikir, adalah perbuatan yang lumrah, namun berzikir di pasar, adalah amalan yang istimewa yang amat jarang sekali dilakukan.

Nota Kecil

Kelebihan Ayat Kursi

Rasulullah SAW bersabda: "Apabila engkau mendatangi tempat tidur (di malam hari), bacalah Ayat Kursi, nescaya Allah akan senantiasa menjagamu dan syaitan tidak akan mendekatimu hingga waktu pagi" [Riwayat al-Bukhari]

Jadikanlah ayat kursi sebagai zikir dan rutin harian yang dibaca ketika hendak tidur, di waktu pagi dan petang.

TAHUKAH ANDA??

Tanda kecil kiamat: PERANGKAP RIBA

Daripada Abu Hurairah RA Beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Akan tiba suatu zaman, tidak ada seorang pun kecuali dia terlibat dalam memakan harta riba. Kalau dia tidak memakannya secara langsung, dia akan terkena debunya."

(Riwayat Ibnu Majah)



رسالة مسجد

Risalah Masjid



JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)

EDARAN PERCUMA



Anak Kita,

TANGGUNGJAWAB KITA

Sebelum anda terus membaca risalah ini, cuba anda bayangkan wajah setiap seorang dari anak-anak anda. Kemudian tanyakan diri, berapa orangkah dari mereka yang anda rasa dapat menyelamatkan diri anda di akhirat nanti? Berapa orangkah yang akan mendoakan anda apabila anda mati kelak? Berapa orangkah yang akan memimpin tangan anda untuk masuk ke syurga?


Anak-anak adalah harta berharga untuk kita di akhirat. Apabila tibanya saat kematian, maka terputuslah segala amalan kita di dunia. Merekalah yang kita harapkan untuk mengalirkan pahala dan mendoakan kesejahteraan kita di alam kubur serta memohon keampunan Allah atas segala dosa-dosa kita yang lalu.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Apabila matinya seorang manusia, maka terputuslah pahala amalannya

kecuali tiga perkara iaitu: Sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaat dengannya, anak soleh yang mendoakan untuknya." [Riwayat Muslim]

Setiap dari kita wajib menjaga dan mendidik anak-anak kita supaya menjadi anak yang soleh. Anak kita adalah tanggungjawab kita. Anak-anak bukan sekadar anugerah Allah, tetapi mereka merupakan amanah yang dipikulkan Allah ke atas bahu kita. Allah ingin menguji kita, adakah kita benar-benar menjaga dan mendidik mereka berlandaskan syariat Islam atau tidak?

Di dalam al-Quran Allah memerintahkan kita agar memelihara diri kita dan juga ahli keluarga kita (isteri dan anak-anak) dari api neraka berdasarkan firman Allah Taala yang bermaksud: "Wahai orang-orang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu..." (at-Tahrim: 6)



Apakah makna anak yang soleh?

Anak yang soleh bukan sahaja anak yang bersopan-santun dan taat kepada kedua ibu bapa, tetapi yang lebih utama dari itu ialah anak yang menjaga agamanya. Taat kepada Allah, tahu kewajibannya sebagai hamba Allah dan tahu tanggungjawabnya kepada agamanya. Apabila seorang anak dididik dengan taat kepada Allah dan patuh kepada suruhan agama, Insya Allah anak itu secara automatik akan taat kepada ibu bapanya dan akan menjaga akhlaknya di mana-mana sahaja ia berada.

BAGAIMANA MENDIDIK ANAK MENJADI SOLEH?

Tidak ada cara mendidik anak yang paling baik dan paling berkesan melainkan dengan didikan Islam. Langkah pertama ke arah didikan anak yang sempurna ialah keazaman ibu bapa itu sendiri untuk kembali menghayati Islam dan menghidupkan Biah Islamiyyah (yakni suasana keislaman) di dalam keluarga dan rumah tangga. Hanya anak yang hidup di dalam suasana keislaman yang dapat menghayati Islam dan seterusnya berjaya dibentuk menjadi anak yang soleh. **Perkara-perkara yang mesti kita lakukan untuk melahirkan anak-anak yang soleh/solehah ialah:**

1 Didik anak-anak mengenal Allah

Perkara pertama yang wajib kita ajarkan kepada anak-anak kita ialah kalimah Syahadah (لا إله إلا الله، محمد رسول الله). Kita selalu mendengar ungkapan dari para ulama yang menyebutkan: "Asas agama ialah mengenal Allah". Mengajar kalimah Syahadah bukan hanya mengajar menurut atau mengucapkannya sahaja sebagaimana yang dilakukan oleh kebanyakan orang hari ini, tetapi juga mengajar apa pengertian kalimah tersebut, apa yang dituntut olehnya, dan apa perkara-perkara yang bertentangan dengan kalimah tersebut yang mesti di jauhi dari melakukannya.

Kita perlu memberitahu anak-anak kita bahawa dengan mengucapkan kalimah tersebut mereka telah mengisytiharkan diri mereka beriman kepada Allah. Oleh demikian, mereka wajib mentaati Allah setiap ketika, dalam setiap gerak-geri dan tingkahlaku mereka. Pada masa yang sama, mereka wajib menolak segala perkara yang bertentangan dengan syariat Allah.

2 Pastikan anak-anak tetap beribadah

Rasulullah SAW telah berpesan kepada kita supaya mengambil berat perihal solat anak-anak kita, di mana Baginda SAW bersabda yang bermaksud: "Suruhlah anak kamu mengerjakan solat apabila ia telah berumur tujuh tahun dan pukullah mereka jika enggan mengerjakan solat sedangkan mereka telah berumur sepuluh tahun." [Riwayat Imam Ahmad, Abu Daud dan al-Hakim]

Solat adalah tiang agama. Menunaikan solat bererti menegakkan agama dan meninggalkannya bererti mengabaikan agama. Dalam pendidikan, solat mempunyai rahsia didikan yang amat hebat kepada anak-anak kita. Di samping mendidik anak-anak kita agar sentiasa ingat kepada Allah, solat menjadi benteng kepada mereka dari keruntuhan akhlak dan gejala sosial. Ini melihat kepada kekuatan yang ada pada solat dalam mencegah manusia dari melakukan dosa dan munkar sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah sendiri, maksudnya: "Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan munkar." (al-Ankabut: 45)

Adalah mustahil jika kita hendak mengekori anak-anak kita ke mana sahaja mereka pergi untuk memastikan mereka berbuat baik di mana sahaja mereka berada. Namun, jika kita berjaya mendidik anak kita dengan solat sehingga solat itu melekat dalam jiwa mereka, yakinlah bahawa sekalipun tanpa kehadiran kita, mereka tetap akan istiqamah dengan melakukan kebaikan kerana solat akan membenteng mereka dari melakukan kejahatan dan maksiat.

3 Bekalkan ilmu agama yang secukupnya

Menuntut ilmu agama diwajibkan Allah ke atas setiap orang Islam sama ada lelaki atau perempuan. Bagi anak-anak, tanggungjawab mengajar ilmu agama kepada mereka asalnya adalah kewajipan ibu bapa. Namun, jika ibu bapa tidak mampu mengajar sendiri anak-anak mereka, mereka wajib

mencari guru/ustaz yang dapat mengajar anak-anak mereka segala hal yang wajib diketahui oleh mereka tentang agama.

Kita melihat hari ini ramai ibu bapa mengabaikan pengajian ilmu agama kepada anak-anak mereka. Mereka lebih menekankan ilmu-ilmu duniawi seperti sains, matematik, dan sebagainya. Mereka sanggup menghabiskan wang yang banyak bagi memastikan anak-anak mereka lulus dengan cemerlang dalam ilmu-ilmu tersebut. Namun, ilmu agama mereka abaikan. Mereka tidak pernah risau anak-anak mereka jahil tentang agama asalkan pandai ilmu-ilmu lainnya. Kerana itu tidak hairanlah jika kita dapati hari ini ramai anak-anak orang Islam yang semakin liar dari agama, meninggalkan solat, tidak tahu membaca al-Quran, tidak menutup aurat, dan mudah terjebak dengan maksiat dan kemungkaran. Semua gejala ini puncanya adalah dari pengabaian terhadap didikan agama oleh ibu bapa.

4 Hidupkan dalam rumah Biah Islamiyyah (suasana keislaman)

Anak-anak memerlukan qudwah (contoh/tauladan) yang baik untuk menjadi anak yang soleh. Qudwah ini seharusnya bermula dari ibu bapa dan juga suasana di rumah. Biah di rumah mempunyai peranan yang besar dalam membentuk sahsiah anak-anak. Oleh itu, suasana keislaman di dalam rumah hendaklah dihidupkan. Pada masa yang sama, elakkanlah sebarang bentuk maksiat dan munkar dalam rumah kita dan hidupkan sunnah Nabi SAW dalam setiap aktiviti di dalam rumah kita.

5 Dekatkan anak-anak dengan masjid dan surau

Masjid adalah rumah Allah. Orang yang hatinya terikat dengan masjid menunjukkan bahawa jiwanya dekat dengan Allah. Alangkah bertuahnya jika anak-anak kita memiliki hati dan jiwa sedemikian. Oleh itu, perlulah kita berusaha bersungguh-sungguh mendekatkan anak-anak kita dengan masjid dan surau.

6 Tanamkan dalam jiwa anak-anak semangat jihad/cintakan Islam

Semangat jihad yang kita maksudkan ialah semangat cintakan agama dan kesedaran untuk berkorban demi agama. Ramai di kalangan kita menganggap anak-anak belum tiba masanya untuk didedahkan dengan semangat jihad kerana mereka masih kecil. Anggapan ini ternyata salah. Sebenarnya dari kecillah kita perlu tanamkan semangat jihad ke dalam diri anak-anak supaya mereka akan terbiasa dengan semangat ini sejak awal mereka mengenali dunia dan kehidupan lagi. Lebih-lebih lagi apa yang disemai ketika kecil akan melekat kukuh dalam jiwa mereka.

Untuk menyemai semangat jihad dan perjuangan Islam ini, antara usaha yang perlu kita lakukan ialah dengan menceritakan kepada anak-anak kita tentang sejarah/sirah perjuangan Nabi kita Muhammad SAW dan juga tokoh-tokoh pejuang Islam terdahulu yang terdiri daripada Nabi dan Rasul, para sahabat, para alim-ulama', para syuhada dan sebagainya.

7 Tanamkan sikap cintakan ilmu dan majlis ilmu

Sikap cintakan ilmu perlu ditanamkan ke dalam jiwa anak-anak. Dengan adanya semangat cintakan ilmu dan majlis ilmu akan timbullah keinginan dalam diri anak-anak untuk menuntut ilmu agama secara berterusan hingga ke akhir hayat mereka tanpa had umur atau batasan waktu.

Jika kita perhatikan majlis-majlis ilmu hari ini, boleh dikatakan keseluruhan yang hadir ialah golongan dewasa dan juga orang-orang tua. Di manakah anak-anak/kanak-kanak? Kenapa mereka tidak dibawa bersama oleh ibu bapa mereka untuk sama-sama menuntut ilmu? Demi masa depan anak-anak kita, marilah kita ubah keadaan ini. Marilah kita bawa mereka bersama untuk berada di dalam majlis ilmu.

8 Perhatikan dengan siapakah anak-anak kita berkawan

Kita tidak boleh mengongkong anak-anak kita dari berkawan. Namun, apa yang kita perlu lakukan ialah memastikan mereka memilih kawan yang baik supaya ia tidak terjebak dalam kejahatan dan maksiat kerana dipengaruhi oleh kawan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Seseorang itu berada di atas agama temannya. Oleh itu, hendaklah setiap dari kamu memerhatikan dengan siapa ia berteman." [Riwayat Imam Abu Daud]

9 Berdoa

Allah amat suka hamba-hambanya yang banyak berdoa dan bermohon dariNya. Salah satu perkara yang perlu selalu kita pohonkan dari Allah ialah dikurniakan anak-anak yang soleh dan solehah.

10 Sentiasa memberi pesanan dan nasihat

Ibu-bapa hendaklah selalu memberi pesanan dan nasihat kepada anak-anak supaya sentiasa mentaati Allah, berakhlak mulia, menjaga perintah agama, dan sebagainya. Pesanan, teguran dan kata-kata nasihat daripada ibu bapa merupakan mutiara berharga untuk dijadikan pegangan dalam hidup mereka. Nasihat dan pesanan ibu bapa tidak terhenti ketika anak-anak masih kecil sahaja, tetapi berterusan sehingga mereka telah dewasa sekalipun.

